072909022


اراس 3، باڠونن داتوء جعفر محمد
كوتا اسكندار
79503 نوساجاي، جوهر
ARAS 3, BANGUNAN
DATO' JAAFAR MUHAMMAD,
KOTA ISKANDAR,
79503 NUSAJAYA, JOHOR

(27)

*Telefon*: 07-266 6116/
07-290 8222
*Faks* : 07-290 8111/
07-290 9888

سيتياءوسها كراجاٴن جوهر
SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR


Bil. ( 15 ) dlm. SUKJ. 100-3/1/7

20 Disember 2013

PEJABAT DAERAH PONTIAN
Diterima pada : 20 DEC 2013

| | | | |
|---|---|---|---|
| KPPD | | Segerakan | |
| PPD ( Pemb Fizikal ) | | Tindakan | |
| PPD ( Pemb Masy ) | | Sila Bincang | |
| PPD ( Pengurusan ) | | Sila Wakil | |
| Penghulu Kanan | | Minta Fail | |
| Pen. Jurutera | | Sila Siasat | |
| PPT ( Peg. Eksekutif ) | | Laporkan | |
| PTK ( Pentadbiran ) | | Makluman | |
| PTK ( Pembangunan ) | | | |

**SEGERA DENGAN FAKS**

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Pihak Berkuasa Tempatan / Badan-Badan Berkanun Negeri Johor

**PINDAAN HARI PEMAKAIAN PAKAIAN BATIK MALAYSIA**

Dengan hormatnya dimaklumkan saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan dan Yang DiPertuan Bagi Negeri dan Jajahan Takluk Johor Darul Ta'zim telah bertitah pada 23 November 2013 di Majlis Teriman sempena Sambutan Ulangtahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Tuanku supaya hari mingguan negeri Johor ditukar kepada hari Jumaat dan Sabtu berkuatkuasa 1 Januari 2014.

3. Berikutan itu Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bermesyuarat pada 18 Disember 2013 telah bersetuju supaya **Pemakaian Baju Batik** ditukar daripada hari Khamis kepada **hari Ahad**.

4. Arahan pemakaian batik pada setiap hari Ahad ini tidak terpakai kepada pegawai yang dibekalkan pakaian seragam, pegawai yang menghadiri acara-acara rasmi seperti persidangan-persidangan antarabangsa, perjumpaan dengan pelawat-pelawat asing atau yang menghadiri majlis rasmi yang menetapkan jenis pakaian lain.

5. Arahan ini **berkuatkuasa mulai 1 Januari 2014** dan Ketua-Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memanjangkan keputusan ini kepada semua anggota di bawah seliaannya serta memastikan supaya arahan ini dipatuhi sewajarnya.

6. Dengan berkuatkuasanya surat arahan ini maka surat pentadbiran ini bil SUKJ 99/7(11) bertarikh 20 Julai 2005 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil 11 Tahun 2008 para 5 adalah dibatalkan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**' BERKHIDMAT UNTUK NEGARA '**

**( DATO' HAJI OBET BIN TAWIL)**
**Setiausaha Kerajaan Johor**